

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Tuesday, May 22, 2018 12:26 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PPA COLGIS ONLINE : ALUMNI UUM COLGIS SAMBUT DELEGASI PELAJAR UUM DI PARLIMEN MALAYSIA



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

22 MEI 2018 / 06 RAMADAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

ALUMNI UUM COLGIS SAMBUT DELEGASI PELAJAR UUM DI PARLIMEN MALAYSIA



PPA COLGIS ONLINE : Kelab Pengucapan Awam Universiti Utara Malaysia (UCAP UUM) telah disambut mesra oleh dua orang alumni Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS) ketika mengikuti Kunjungan Hormat ke Parlimen Malaysia pada 2 hingga 4 Mei 2018 yang lalu. Kunjungan yang membarisi Pasukan Debat UUM dan ahli Kelab UCAP ini adalah bertujuan untuk mengetahui

secara mendalam tentang proses perdebatan dan penggubalan undang-undang oleh Ahli Dewan Rakyat.

Terdahulu, Puan Emilda Md Yusop (Alumni Pusat Pengajian Kerajaan Tahun 2010) yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan Awam Kanan di Bahagian Komuniti Korporat Parlimen Malaysia telah menyambut dan mengiringi ahli delegasi ke sekitar bangunan Parlimen Malaysia. Beliau sempat memberikan penerangan ringkas berkaitan sejarah penubuhan Parlimen Malaysia dan artifak yang ditempatkan di Galeri Parlimen Malaysia.

Manakala taklimat terperinci berkaitan perjalanan Parlimen Malaysia telah disampaikan oleh Encik Idzuafi Hadi Kamilan (Alumni Pusat Pengajian Undang-Undang Tahun 2008) yang kini bertugas sebagai Pegawai Penyelidik kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Rakyat. Beliau menerima pelbagai soalan yang diajukan oleh para pelajar UUM yang sangat teruja dengan proses perdebatan dan penggubalan undang-undang oleh Ahli Dewan Rakyat.

Majlis berakhir dengan penyampaian cenderahati oleh Encik Muhammad Hafiz Badarulzaman, Pengarah Unit Debat, Advokasi dan Oratori Jabatan Hal Ehwal Pelajar kepada wakil Alumni UUM COLGIS. Kedua-dua Alumni UUM COLGIS begitu terharu dengan kehadiran para pelajar dan berharap program seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang.

Sekian.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
College of Law, Government and International Studies (COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :
colgis_pppa@uum.edu.my
Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



**ASSOCIATION
OF AMBAs**
ACCREDITED



AUN-QA
A Touch of Quality



AACSB
ACCREDITED



**ASSOCIATION
OF AMBAs**
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



AUN-QA
A Touch of Quality

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.